

06/11/1998

Prudential Corporation teruskan komitmen

Nor Liza Ahmad

PRUDENTIAL Corporation Plc (Prudential Corporation) meneruskan komitmennya untuk melabur di rantau Asia, meskipun terpaksa mengambil langkah lebih berhati-hati selari dengan sentimen ekonomi semasa.

Ketua Eksekutif Kumpulan Prudential Corporation, Sir Peter Davies, berkata pelbagai usaha diambil pihak berkuasa dan kerajaan rantau terbabit bagi merangsang semula ekonomi berupaya menyumbang terhadap pengukuhan pelaburan jangka panjang kumpulan.

Menurutnya, krisis ekonomi turut memberi kesan kepada Prudential Corporation dan bagi memastikannya terus berdaya bersaing, kumpulan meneruskan strategi pelaburan meskipun membabitkan jumlah yang besar.

Berpangkalan di Britain, Prudential Corporation adalah kumpulan penanggungans insurans terbesar dengan mengurus dana berjumlah AS\$200 bilion (RM760 bilion) bagi kegiatan sejagat.

Bagi operasi di Malaysia, kumpulan yang menerusi anak syarikatnya, Prudential Assurance Malaysia Bhd (Prudential), yakin mencatat pertumbuhan positif dengan meninjau peluang pelaburan strategik.

Prudential dimiliki 51 peratus kepentingan Prudential Corporation Plc (Prudential Corporation) berpangkalan di Britain manakala bakinya oleh Detik Ria Sdn Bhd dan Tan Sri Vincent Tan dengan ekuiti masing-masing sebanyak 30 peratus dan 19 peratus.

"Rantau Asia masih menjadi pasaran terbesar kumpulan walaupun menerima tekanan daripada sentimen ekonomi semasa yang ternyata menjejaskan pertumbuhan operasi," katanya selepas majlis pelancaran pejabat baru Prudential di Damansara, semalam.

Pejabat Prudential Phileo Damansara itu yang merangkumi 12 tingkat mampu memuatkan 53 agensi dan 700 ejen membuktikan komitmen kumpulan itu di Malaysia.

Bagi memastikannya mampu terus berdaya saing, kumpulan itu turut memperuntukan kira-kira RM1 bilion bagi operasi di Malaysia tahun ini.

Sementara di Asia Pasifik pula, Prudential Corporation mempunyai portfolio pelaburan AS\$13 bilion (RM49.7 bilion) yang diuruskan bahagian pelaburannya - Prudential Portfolio Managers.

Selain itu, Prudential Corporation juga mempunyai dana AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) dikenali Prudential Invest Direct Asia Fund, bertujuan membuat pelaburan secara langsung dalam pasaran sedang membangun di Asia.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Prudential Corporation Asia Ltd, Mark Tucker, berkata kumpulan turut mengambil pendekatan berbeza melaksanakan pelaburan di rantau ini, bergantung kepada suasana pelaburan sesebuah negara.

"Strategi pelaburan bergantung kepada sesebuah negara iaitu bagi rantau Asia kami memperuntukan dana antara 10 dan 35 peratus," katanya.

Menurut Ketua Eksekutif Prudential, Ng Keng Hooi, untuk jangka panjang kumpulan turut meninjau peluang pelaburan dalam pasaran bon.

Davies yang mengadakan lawatan pertamanya ke Malaysia bermula kelmarin hingga hari ini turut bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Beliau yang enggan menjelas terperinci mengenai pertemuan itu berkata: "Ia membabitkan isu industri insurans dan komitmen di Malaysia."

(END)